

Utusan online 20/11/2011

ARKIB : 20/11/2011

Sambutan Hari UNESCO akan diadakan setiap tahun

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Kerajaan bercadang menjadikan sambutan Hari UNESCO Malaysia sebagai acara tahunan bagi mendedahkan pengiktirafan yang diterima negara daripada badan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sepanjang menyertai UNESCO, Malaysia mendapat banyak faedah antaranya dalam soal pendidikan, sains, kebudayaan serta sejarah dan manfaat tersebut perlu dijadikan bahan tatapan umum.

Beliau yang juga Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia berkata, sambutan setiap tahun boleh membantu meningkatkan promosi pendidikan untuk semua (EFA), membasmi kemiskinan, meningkat toleransi, keamanan, menjamin hak sama rata jantina, memulihara warisan dunia serta menjamin kebebasan media.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Malaysia, di sini semalam.

Sambutan itu diadakan buat kali pertama selepas 53 tahun Malaysia menyertai badan dunia itu.

"Malaysia sebenarnya sudah menghampiri sasaran 100 peratus peluang pekerjaan, berbanding sasaran yang ditetapkan UNESCO pada 2015.

"Pengiktirafan UNESCO ke atas peranan Malaysia menjadi lebih menyerlah dengan penubuhan dua institut di Malaysia, selain banyak tempat warisan negara yang turut diiktiraf seperti Melaka dan Pulau Pinang.

"Saya dimaklumkan, kita dalam proses mendapatkan pengiktirafan tempat bersejarah terbaru iaitu di Lenggong (Perak) dan diharapkan dengan adanya sambutan seperti ini setiap tahun, rakyat lebih terdedah kepada manfaat serta kelebihan penyertaan dalam badan dunia ini," katanya.

